

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUAUDIT**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred W41	:	P1T1	RM1480.70	-	P1T27	RM4077.36
		P2T1	RM1564.19	-	P2T27	RM4320.57
		P3T1	RM1651.31	-	P3T27	RM4569.83
Gred W44	:	P1T1	RM2625.36	-	P1T14	RM4339.93
		P2T1	RM2903.66	-	P2T14	RM4744.07
Gred W48	:	P1T1	RM3814.79	-	P1T8	RM5059.88
		P2T1	RM4192.31	-	P2T8	RM5539.04
Gred W52	:	P1T1	RM4291.53	-	P1T8	RM5536.62
		P2T1	RM4698.09	-	P2T8	RM6044.82
Gred W54	:	P1T1	RM4526.27	-	P1T8	RM5894.78
		P2T1	RM4926.78	-	P2T8	RM6434.44

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T3); atau

(ii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8); atau

(iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8); atau

(iv) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T9); atau

(v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T10);

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan 1(c) (iii) dan (iv) di atas adalah seperti di Rujukan W].

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruaudit Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred W41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Juruaudit Gred W41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Juruaudit boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Juruaudit Gred W41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Juruaudit Gred W41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Juruaudit hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED W44**

10. Juruaudit Gred W41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruaudit Gred W44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED W48**

11. Juruaudit Gred W44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruaudit Gred W48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED W52**

12. Juruaudit Gred W48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruaudit Gred W52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED W54**

13. Juruaudit Gred W52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruaudit Gred W54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

14. Juruaudit Gred W54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

SENARAI BADAN PERAKAUNAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN

- (i) Ahli Institut Akauntan Malaysia;
- (ii) Ahli The Malaysian Association of Certified Public Accountants;
- (iii) Ahli The Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- (iv) Ahli The Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (v) Ahli The Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- (vi) Ahli The Institute of Chartered Accountants in Australia;
- (vii) Ahli The Australian Society of Certified Practising Accountants;
- (viii) Ahli The Institute of Chartered Accountants of New Zealand;
- (ix) Ahli The Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (x) Ahli The Institute of Chartered Accountants of India; dan
- (xi) Ahli The Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).